

Imigresen, JPN disiasat

**Anwar dedah
terima maklumat
wujud unsur
salah guna
kuasa, rasuah**

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sedang disiasat pihak berkuasa berhubung dakwaan rasuah dan salah guna kuasa.

Perdana Menteri berkata, beliau menerima maklumat ada unsur salah guna kuasa dalam JPN apabila proses untuk mendapatkan sijil warga negara dikenakan bayaran tertentu oleh mereka yang layak mendapat status kewarganegaraan.

"Nak beri satu maklumat, saya terima (aduan), mungkin masih dalam siasatan di Jabatan Pendaftaran. Kita permudahkan orang yang layak mendapat status kewarganegaraan dan sebagainya untuk mendapatkan sijil (status warga negara), itu dikenakan lagi bayaran, (tapi) jumlahnya (kes) terlalu kecil.

"Harus ada tindakan keras dan tegas, jika tidak, ia merosakkan seluruh imej pentadbiran," katanya pada perjumpaan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, semalam.

Dalam Jabatan Imigresen pula, Anwar menegaskan, masih ada

kelompok kecil yang masih selesa dengan sistem dan amalan lama yang mengaitkan mereka dengan perlakuan rasuah.

Perdana Menteri berkata, tindakan segera dan keras harus diambil terhadap kelompok terabit yang menjejaskan imej jabatan, penjawat awam dan negara.

"Semalam (kelmarin) sebelum sambut kepulangan Agong, saya sempat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kerana ada sedikit sebanyak 'keributan' kecil. Tentunya saya lihat, umpamanya semua kaunter Imigresen berfungsi.

"Maknanya, majoriti kakitangan Imigresen menjalankan tugas dengan baik, tetapi seperti mana juga kita sedar dan sering saya tegaskan, ada kumpulan kecil yang masih biasa dengan sistem dan amalan lama.

"Saya percaya itu bidang kuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang harus bertindak. Selalu kita sebut, kerana 'nila setitik, rosak susu sebelanga'," katanya menambah, lawatan itu untuk mengangkat martabat dan integriti Jabatan Imigresen yang ketika ini berdepan kritikan umum.

Berdasarkan pemerhatian dan tinjauannya kelmarin, Anwar memaklumkan, beliau melihat KLIA berfungsi dengan baik, begitu juga kaunter Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Cuma saya lihat, umpamanya mesin pengimbas Kastam di tempat kemasukan, ada tujuh, tetapi



Anwar beramah mesra pada perjumpaan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

hanya satu berfungsi. Saya Menteri Kewangan dan JKDM bawah saya, tapi takkanlah nak tunggu menteri turun baru tahu rosak.

"Ini ada kelemahan dari segi maklumat, kerana kalau belanjanya hanya sekitar beberapa juta, kita boleh luluskan segera. Saya percaya SPRM tidak akan siasat kalau diluluskan segera kerana keadaan itu mendesak," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kelemahan sistem penyampaian maklumat pada peringkat bawahan kepada pihak atasan juga perlu diperbaiki.

"Apakah dengan kelemahan ini, saya boleh secara umum menyerang kelemahan Kastam, saya tidak fikir ia wajar kerana secara umumnya, fungsinya baik. Tapi hal-hal ini, tidak boleh kita mungkir kebenarannya.

"Sebab itu, kita kadang-kadang yang di atas harus turun dan 'terjun' ke bawah untuk lihat sendiri kerana tidak boleh buat andaian semuanya baik. Tujuannya mestilah baik, untuk perbaiki, bukan sekadar mencari salah atau mengecam, apalagi kalau diberi gambaran umum," katanya.